

BR1M bukan rasuah

27/12 UM

Oleh **SAJIDA ASARULAH KHAN**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 26 DIS.**

KENYATAAN Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah rasuah terbesar tidak boleh diterima pakai kerana umum mengetahui program itu dilancarkan bagi meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah.

Kenyataan itu disokong oleh penganalisis ekonomi dan mereka menyifatkan BR1M sebagai keperluan masa kini dan keputusan kerajaan untuk meneruskan tradisi pemberian yang mula dilaksanakan sejak tahun 2012 merupakan satu langkah yang bagus.

Penganalisis Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr. Baayah Baba** berkata, BR1M tidak boleh dikategorikan sebagai rasuah kerana ia bukan sahaja dilaksanakan di negara ini malah banyak negara luar sudah mengamalkan pembe-

rian bantuan kepada rakyat yang kurang berkemampuan.

"BR1M bukan baharu dilaksanakan rasanya tidak relevan jika ia baru dipersoalkan pada masa ini. Apa yang kita perlu lihat adalah impak di sebalik bantuan tersebut. Ia satu bantuan yang ditunggu-tunggu oleh rakyat terutama ketika pembentangan belanjawan.

"Jika seseorang mendakwa BR1M adalah rasuah ia merupakan pandangan peribadi mereka dan ia dipengaruhi apa yang mereka fikirkan mengenai bantuan tersebut. Sekiranya mereka fikir dari sudut positif maka mereka hanya akan nampak kebaikannya dan sebaliknya," katanya ketika dihubungi dan menyokong kebaikan BR1M yang diberikan kerajaan.

Jelasnya, pemberian BR1M perlu dikawal agar ia dapat mencapai matlamat asal iaitu bantuan



BAAYAH BABA



ABU SOFIAN YAACOB

diberikan dapat digunakan untuk membeli barang keperluan harian dan antara langkah yang boleh dijalankan adalah melaksanakan pemberian kupon menggantikan wang tunai.

"Mungkin 50 peratus daripada bantuan itu boleh diberikan dalam bentuk kupon dan ditebus ketika membuat pembelian barang keperluan harian di kedai yang terpilih. Ia dapat mengawal penerima daripada menyalah gu-

nakan bantuan tersebut," katanya.

Sementara itu, Pen-syarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), **Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** berkata, BR1M bukan rasuah kerana ia merupakan inisiatif kerajaan yang memerintah membantu meringankan beban rakyat.

"Itu cara kerajaan membantu rakyat selain daripada bantuan yang diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bantuan JKM lebih terperinci dan diberikan mengikut prosedur yang ditetapkan.

"BR1M banyak manfaatnya, ia bukan sekadar bantuan wang tunai tetapi turut menawarkan pelbagai faedah lain antaranya caruman Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia atau i-BRIM yang memberi perlindungan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal," katanya.